

Masih ada ruang fiskal urus kewangan 2019

→ Maybank
IB Research
unjur ekonomi
Malaysia
berkembang
4.9 peratus
tahun depan

BH 21/12/18

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@nstp.com.my

kerajaan dalam syarikat bukan strategik belum dimasukkan ke dalam jangkaan Belanjawan 2019, meskipun dikenal pasti sebagai kemungkinan mengurangkan hutang kerajaan.

Di samping itu, ia berpandangan, pengembalian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan cukai pendapatan berjumlah RM37 bilion bagi 2019 mungkin tidak dibayar sepenuhnya pada tahun itu memandangkan sebahagian bayaran balik itu harus tertakluk kepada proses audit yang wajar.

“Pasukan ekonomi kami mengunjurkan purata minyak mentah Brent sekitar AS\$65 setong pada 2019 berbanding AS\$72 setong setakat ini

setujuan pengurangan pengeluaran minyak 1.2 juta tong itu,” katanya dalam nota Tinjauan dan Pemerhatian 2019.

Maybank IB Research mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang 4.9 peratus tahun depan berikutan impak dan tinjauan bercampur-campur bagi permintaan domestik kerana ekonomi melalui penyesuaian pasca Pilihan Raya Umum Ke-14, terutama dari segi fiskal dan penyederhanaan pertumbuhan ekonomi global yang akan mengurangkan sumbangan permintaan luaran bersih kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar.

Ekonomi global katanya, sudah mula menunjukkan per-

Research mengunjurkan mata wang tempatan berlegar sekitar RM4.20 berbanding satu dolar Amerika Syarikat (AS) jika faktor seperti perang perdagangan China-AS, kebimbangan pasaran baharu muncul dan faktor domestik meningkat pada 2019.

OPR diunjur kekal

Maybank IB Research juga mengunjurkan kadar dasar semalaman (OPR) kekal pada paras 3.25 peratus sehingga akhir tahun depan bagi menyokong permintaan domestik di tengah-tengah persekitaran kadar inflasi rendah yang berterusan.

Menyentuh mengenai risiko penurunan penarafan hutang, cabang penyelidikan Maybank

erajaan mempunyai
ruang fiskal untuk

K menguruskan kewangannya pada 2019 meskipun harga minyak mentah jatuh di bawah paras purata yang diunjurkan dalam Belanjawan 2019 iaitu sekitar AS\$72 setong, demikian kata Maybank IB Research.

Cabang penyelidikan Maybank Investment Bhd (Maybank IB) itu percaya bahawa hasil daripada penjualan aset bukan teras atau pengurangan pegangan

Pantau dua perkara

“Dua perkara utama yang dipantau pada suku pertama/kedua 2019 adalah pematuhan Pertumbuhan Negara-Negara Pengeluar Petroleum (OPEC) terhadap pengurangan pengeluaran 1.2 juta tong minyak yang dicapai pada mesyuarat 6 hingga 7 Disember lalu dan mesyuarat OPEC selanjutnya pada April 2019 bagi menyemak semula per-

tumbuhan perlahan apabila mencatatkan pertumbuhan sederhana pada suku ketiga 2018 sebanyak 3.7 peratus, lebih rendah berbanding kadar mantap 4 peratus setiap sukuan pada separuh kedua 2017 hingga separuh pertama 2018.

“Dijangkakan pertumbuhan global berkurangan kepada 3.6 peratus pada 2019 berbanding 3.8 peratus pada 2018,” katanya.

Mengenai ringgit, Maybank IB

cabang penyelidikan Maybank IB itu berpendapat dalam senario yang paling teruk, penurunan lebih kepada tinjauan berbanding penarafan.

“Dalam pandangan kami, langkah pelaksanaan yang baik dan boleh dipercayai akan mengukuhkan pentadbiran fiskal dari segi disiplin dan tadbir urus, penstrukturan semula hutang kerajaan dan mempelbagaikan pendapatan kerajaan akan menjadi kunci,” katanya.

